

Dijangka masuk Parti Gerakan

18 anggota MCA letak jawatan

KUALA TRENGGANU, Ahad — Seramai 18 ahli MCA Trengganu termasuk bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) meletak jawatan dari parti tersebut kerana hilang kepercayaan terhadap pucuk pimpinan parti tersebut di peringkat negeri dan pusat.

Mereka dijangka memasuki parti Gerakan yang akan ditubuhkan di sini tidak lama lagi.

Bekas Pengerusi MCA Kampung China Ward, Datuk Wee Cheng Huat dan (ADUN) Datuk Tan Eng Ann dalam sidang akhbar semalam memberitahu mereka akan menubuhkan cawangan Gerakan di sini secepat mungkin.

Datuk Wee dan Datuk Tan merupakan ahli MCA yang pertama

meletak jawatan di negeri ini bersama 16 yang lain pada 29 June lalu.

Datuk Tan adalah ADUN pertama bagi Kuala Trengganu yang berkhidmat dari 1948 hingga 1955. Beliau kemudiannya dilantik memegang jawatan di Kerajaan negeri dalam dari 1959 hingga 1964.

Mereka mendakwa perkhidmatan MCA negeri kepada orangramai di sini tidak seperti yang dijangkakan.

Ketika ini bekas ahli-ahli MCA dan penyokongnya mengedarkan borang permohonan ahli kepada mereka yang berminat memasuki parti tersebut.

Satu jawatankuasa penaja akan ditubuhkan.

Dua lagi cawangan Gerakan dijangka akan ditubuhkan di Dungun dan di Kemaman.

Menurut Datuk Wee,

tujuan penubuhan cawangan Gerakan itu bukan untuk memecahbelahkan orangramai tetapi membuktikan mereka juga berkemampuan berkhidmat kepada orangramai.

"Penubuhan parti tersebut tidak sepatutnya menakutkan atau mencemaskan mana-mana pihak.

"Sebagai parti komponen Barisan Nasional, Gerakan Kuala Trengganu sentiasa akan memberikan kerjasama kepada Barisan demi kepentingan rakyat di samping membantu Kerajaan dalam pembangunan negara, tegas mereka.

Mereka mahu menarik orang-orang yang 'duduk di atas pagar' yang mendakwa mereka bukan ahli mana-mana parti di negara ini memasuki Gerakan.

Sementara itu, di Lumut, Timbalan Presiden MCA, Datuk Richard Ho, menasihatkan ahli-ahli MCA yang ingin meninggalkan parti supaya tidak terlalu terdorong dengan perasaan emosi kerana MCA masih lagi merupakan sebuah parti politik kaum Tionghua yang terbaik.

Meskipun ia menghadapi banyak rintangan, katanya, MCA tetap berjaya membina suatu barisan pucuk pimpinan yang utuh untuk memandu perjuangannya.

"MCA juga telah mengambil beberapa langkah positif ke hadapan bagi kepentingan orang-orang Tionghua Malaysia khususnya dan negara amnya.

Kejayaan hakiki Lima Projek MCA dengan sendirinya membuktikan hakikat itu dan kenyataan yang baik itu mestilah diakui kebaikannya, tambahnya di jamuan makan malam sempena perayaan ulangtahun parti ke-32, anjuran MCA cawangan Pangkor di sini malam semalam.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia